

Universiti Selangor (UNISEL) merupakan Universiti swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kami menawarkan pelbagai program pengajian di kampus Shah Alam dan Bestari Jaya. Sesuai dengan perkembangan kami yang pesat, kami mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut.

IKLAN JAWATAN : **PEGAWAI PENERBITAN (N41)**
JABATAN : **PENERBIT UNISEL**
STATUS : **KONTRAK (1 TAHUN)**

RINGKASAN JAWATAN

Jabatan Penerbit Unisel ingin melantik Pegawai Penerbitan (Gred N41) yang akan melaksanakan pelbagai khidmat editorial yang kritikal dalam proses penerbitan buku dan bahan-bahan dalam pelbagai media yang bermula dari perancangan hingga ke pemasaran. Tugas-tugas khusus termasuk merancang judul, memproses manuskrip, menulis, menterjemah, menilai, menyunting, membaca pruf, merekabentuk, merekaletak dan tugas-tugas pemasaran. Kemahiran hendaklah meliputi penguasaan lisan dan tulisan yang baik dalam bahasa Melayu dan Inggeris dan mempunyai tahap ketelitian yang tinggi serta mahir dalam aplikasi komputer yang berkaitan dengan penerbitan dan percetakan dengan syarat kelayakan akademik seperti berikut :

SYARAT KELAYAKAN PEGAWAI PENERBITAN (GRED N41)

1. Warganegara Malaysia;
 2. Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh lantikan jawatan;
 3. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dengan purata nilai gred yang baik;
 4. Mempunyai pengalaman bekerja dalam syarikat penerbitan;
 5. Mempunyai kecekapan komunikasi lisan dan penulisan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
 6. Mempunyai kemahiran penulisan, terjemahan, penyuntingan bahasa, penyuntingan visual, penyuntingan naskhah, penyuntingan dalam talian dan pembacaan pruf;
 7. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam kerja-kerja praproduksi dan percetakan serta mahir dalam penggunaan aplikasi yang lazim digunakan dalam penerbitan buku bercetak dan digital;
 8. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam kerja-kerja pemasaran buku; dan
 9. Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (termasuk lulus Ujian Lisan) sekurang-kurangnya Gred C pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
-

TATACARA MEMOHON

- a) Calon yang berminat hendaklah mengemukakan Borang Permohonan beserta gambar berukuran *passport* terkini dan *Curriculum Vitae (CV)* yang mengandungi maklumat berikut :
 - i. Latar belakang peribadi (termasuk No. Kad Pengenalan), keluarga, alamat surat menyurat, nombor telefon dan email untuk dihubungi;
 - ii. Latar belakang pendidikan dan pengalaman kerja;
 - iii. Anugerah dan hadiah yang diterima di mana-mana peringkat termasuk di peringkat Antarabangsa;
 - iv. Sumbangan-sumbangan kepada komuniti masyarakat / penduduk setempat / kariah dan sebagainya.

b) Permohonan hendaklah dihantar terus ke alamat berikut :

Pengarah Pentadbiran & Sumber Manusia

Universiti Selangor, Jalan Timur Tambahan,

Kampus Bestari Jaya

45600 Bestari Jaya

Selangor

Tel : 03-3280 5068/5071

c) Sila tulis nama jawatan dimohon di bahagian atas sebelah kanan sampul surat.

d) Tarikh akhir penerimaan borang permohonan adalah pada atau sebelum **27 MEI 2024**

e) Lain-lain:

i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.

ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan pada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

iii) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.